

JAMBATAN (LAPORAN KHAS)

OLEH BAHARA HAJI KAMARAK

1985

PULAU PINANG, 29 JULAI (BERNAMA) -- SEJARAH PEMBINAAN JAMBATAN PULAU PINANG YANG MENGHUBUNGI PULAU INI DENGAN TANAH BESAR SEMENANJUNG TERCATAT APABILA PERDANA MENTERI MENJADI ORANG PERTAMA MENYEBERANGINYA DENGAN KERETA MALAYSIA, +PROTON SAGA+, JUMAAT INI.

JAMBATAN BERTHARGA \$850 JUTA SEPANJANG 13.5 KM ITU AKHIRNYA MENJADI KENYATAAN SETELAH SEKIAN LAMA MENJADI BUALAN PENDUDUK NEGERI INI SEJAK KIRA-KIRA 45 TAHUN LALU.

JAMBATAN ITU DIBINA DALAM TEMPOH TIGA TAHUN TIGA BULAN DAN AKAN MULA DIGUNAKAN PADA 15 SEPT. 1985.

PEMBINAAN JAMBATAN YANG KETIGA TERPANJANG DI DUNIA ITU BERMULA PADA 9 APRIL 1982 APABILA PERDANA MENTERI SENDIRI MELAKUKAN UPACARA MEMECAH TANAH DI TAPAK PEMBINAANNYA DI BATU UBAN DI SINI DAN PEMBINAANNYA DIJALANKAN OLEH SYARIKAT HYUNDAI DARI KOREA SELATAN.

JAMBATAN ITU, YANG PADA MULANYA DIANGGARKAN MENELAN BELANJA \$744 JUTA, SIAP SEPENUHNYA PADA 15 JULAI LALU. -- LAGI

1239MST 29 07 85

JAMBATAN 2 PULAU PINANG (LAPORAN KHAS)

KEINGINAN MEMPUNYAI JAMBATAN SEPERTI ITU DISUARAKAN APABILA PERKHIDMATAN FERI TIDAK DAPAT MEMENUHI SEPENUHNYA PERMINTAAN ORANG RAMAI DAN KENDERAAN YANG BERTAMBAH SEJAK TAHUN 1940.

PADA MASA ITU, ANTARA CADANGAN BAGI MENGATASI MASALAH TERSEBUT IALAH DENGAN MELANCARKAN PERKHIDMATAN FERI KEDUA ATAU MEMBINA SEBUAH TEROWONG ATAU JAMBATAN.

BAGAIMANAPUN PADA AKHIR 1950 DAN AWAL 1960, KEBANYAKAN PENDUDUK NEGERI INI DIKATAKAN LEBIH BERMINAT TERHADAP PEMBINAAN JAMBATAN YANG MULA DIBINCANGKAN OLEH KABINET, PADA MASA ITU PIMPINAN PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN.

PEMBINAAN JAMBATAN YANG MENJADI KEBANGGAAN NEGERI INI DIBAHAGIKAN KEPADA SEMBILAN FASA IAITU FASA PERTAMA DAN KEDUA MEMBABITKAN TEBUSGUNA TANAH DI BAHAGIAN PULAU DAN TANAH BESAR SEMENTARA FASA KETIGA, KEEMPAT DAN KELIMA MEMBABITKAN KERJA PEMBINAAN JAMBATAN.

FASA ENAM DAN TUJUH IALAH PEMBINAAN PERSIMPANGAN DI BATU 4-1/2, JALAN BUTTERWORTH-IPOH DAN FASA LAPAN DAN SEMBILAN IALAH PEMBINAAN TOL PLAZA DAN JAMBATAN YANG MEMPUNYAI EMPAT LORONG ITU AKAN DIPERBESARKAN KEPADA ENAM LORONG. -- LAGI

1244MST 29 07 85

JAMBATAN 3 PULAU PINANG (LAPORAN KHAS)

SEBUAH JEJANTAS SEPANJANG 1.5 KM DIBINA DI SEBELAH PULAU MANAKALA JEJANTAS SEPANJANG 3.6 KM DIBINA DI SEBELAH TANAH BESAR DI PERAI DAN TIANG JAMBATAN ITU YANG BERUKURAN 225 METER TINGGI DARIPADA PARAS LAUT MEMBOLEHKAN KAPAL SEBERAT 50,000 TAN MELALUINYA.

MENURUT PAKAR PERUNDING PEMBINAANNYA, TAN SRI PROF. CHIN FUNG KEE, JAMBATAN ITU DAPAT MENAHAN GEGARAN GEMPA BUMI DAN TIDAK AKAN TUMBANG KERANA MENGGUNAKAN PELAPIS GETAH ASLI DALAM STRUKTUR PEMBINAANNYA.

PENGGUNAAN PELAPIS GETAH ASLI ITU BERTUJUAN MENAHAN KARAT DAN TIDAK MEMERLUKAN PENJAGAAN YANG RAPI DAN DI SAMPING DIAWASI OLEH PARA PENYELIDIK DARIPADA INSTITUT PENYELIDIKAN GETAH MALAYSIA (RRI).

JAMBATAN PULAU PINANG BUKAN SAHAJA AKAN MENARIK PELANCONG KE NEGERI INI, MALAH MENJADI SUMBER UTAMA PENDAPATAN MENERUSI KUTIPAN TOL DAN MENURUT SEORANG PEGAWAI PERANCANG, KIRA-KIRA \$100 JUTA DIJANGKA DIPEROLEHI SETAHUN HASIL DARIPADANYA.

JAMBATAN ITU BUKAN SAHAJA MEMBERI FAEDAH DARI SEGI EKONOMI TETAPI MENAWARKAN KEMAHIRAN DAN LATIHAN DALAM BIDANG PEMBINAAN ALA KOREA SELATAN KEPADA KIRA-KIRA 2,000 PEKERJA TEMPATAN. -- LAGI

0099

R B123 AAB

JAMBATAN 4 PULAU PINANG (LAPORAN KHAS)

JAMBATAN ITU MEMPUYAI HUBUNGAN DENGAN LEBUHRAYA DI TANAH BESAR SEMENANJUNG KERANA JALAN MENUJU KE JAMBATAN DI PERAI MENGHUBUNGI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN.

MENTERI KERJA RAYA, DATUK S. SAMY VELLU BERKATA BAHAWA ADALAH DIANGGARKAN 22,000 KENDERAAN, TIDAK TERMASUK MOTOSIKAL, DIJANGKA MENGGUNAKAN JAMBATAN ITU SETIAP HARI.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KADAR BAYARAN TOL TIDAK AKAN MEMBEBANKAN ORANG RAMAI DAN KADARNYA SAMA DENGAN PERKHIDMATAN FERI SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG DAN KUTIPANNYA DIBUAT DI SEBELAH SEBERANG PERAI.

WALAUPUN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN FERI DAN JAMBATAN DIKATAKAN SAMA, TETAPI INI TIDAK BERMAKNA TAMBANG FERI TIDAK AKAN DINAIKKAN DAN SPPP TELAH MEMBINA 14 BUAH PLAZA TOL DI PANGKALAN SULTAN ABDUL HALIM DI SAMPING MEMPERBAIKI PANGKALAN FERI DENGAN PERBELANJAAN \$1.5 JUTA.

PADA MASA SEKARANG, TAMBANG FERI BAGI KENDERAAN IALAH ANTARA \$4 HINGGA \$6 BERGANTUNG KEPADA KEKUATAN ENJIN SEMENTARA \$8 HINGGA \$48 BAGI LORI BERGANTUNG KEPADA BERATNYA. -- BERNAMA

1251MST 29 07 85